

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Sunday, April 1, 2018 5:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: NCRC BANTU PELAJAR-PELAJAR LEPASAN SPM DAN STPM LANGKAWI DALAM PROGRAM "JOM MASUK U"



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

AHAD, 1 APRIL 2018 | 14 REJAB 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Prof/Dr./Tuan/Puan





NCRC BANTU PELAJAR-PELAJAR LEPASAN SPM DAN STPM LANGKAWI DALAM PROGRAM “JOM MASUK U”

NCRC ONLINE: 20 Mac 2018 Northern Corridor Research Centre, Universiti Utara Malaysia (NCRC-UUM) melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) telah bekerjasama dengan Pusat Khidmat ADUN Kuah, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Jabatan Hal Ehwal Akademik UUM dalam menjayakan Program “Jom Masuk U”. Program ini adalah kesinambungan daripada program “Road to the University” yang telah dianjurkan oleh NCRC di Langkawi pada tahun 2016 dan 2017. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat YB Nor Saidi bin Nanyan, ADUN Kuah. Dalam ucapan perasmian, YB Norsaidi menyatakan bahawa “hasil daripada program ini, lebih ramai pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun 2016 telah mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh Malaysia”.

Program ini telah dirangka dengan matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan motivasi para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan STPM di Langkawi bagi menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di universiti. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi panduan kepada para pelajar tentang kaedah yang betul untuk memilih program-program pengajian tinggi serta mengisi borang Unit Pusat Universiti (UPU) apabila memohon untuk ke universiti.

Seramai lebih 200 orang pelajar lepasan SPM dan STPM dari sekolah-sekolah di seluruh Langkawi telah menghadiri program ini. Turut hadir adalah guru-guru serta ibu bapa pelajar yang ingin mengambil kesempatan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas tentang prosedur dan tips mengisi borang UPU yang disampaikan oleh En. Shahidan bin Shafie , Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Akademik UUM.

Menurut YB Norsaidi Nayan, “program ini merupakan salah satu agenda penting dalam pembangunan Daerah Langkawi selain pembangunan fizikal yang sedang pesat, melalui program ini juga, beliau melihat wujudnya hubungan yang lebih baik diantara penduduk Langkawi dengan pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), yang menyalurkan dana bagi program ini dan juga dengan UUM”.

Selain itu, menurut Pn. Siti Rohani binti Abdullah, Guru Penyelaras Hal Ehwal Murid, SMK Tunku Putra Langkawi, “Program ini sangat bagus. Maklumat yang disampaikan sangat memberi manfaat kepada pelajar. Ia patut diteruskan setiap tahun kerana maklumat yang disampaikan dapat membuka minda pelajar, ibu bapa dan guru”.

Sekian.

=====

DARIPADA:
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 6559/6560/6563
FAKS: 04-928 6561
E-MEL: ncrc@uum.edu.my
WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.